



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 55**

**31hb Januari 2002**

**No. 3**

---

---

**No. 51.**

ENAKMEN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK  
(TATATERTIB DAN SURCAJ) 2001

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 1(2) Enakmen Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (Tatatertib Dan Surcaj) 2001 [En. 2/2001], Duli Yang Maha Mulia Sultan menetapkan 16 Januari 2002 sebagai tarikh Enakmen itu mula berkuat kuasa.

Bertarikh 15 Januari 2002.

[PU. PK. 40/2001; PSUK. PK.(MAJ)A355/177/9-21/63.]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

HAJI MOHAMED HASHIM BIN KASMON

Setiausaha,

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK  
(DISCIPLINE AND SURCHARGE) ENACTMENT 2001

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

In exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (Discipline And Surcharge) Enactment 2001 [*En. 2/2001*], His Royal Highness appoints 16 January 2002 as the date on which the Enactment comes into operation.

Dated 15th January 2002.

[PU. PK. 40/2001; PSUK. PK.(MAJ)A355/177/9-21/63.]

By His Royal Highness's Command,

HAJI MOHAMED HASHIM BIN KASMON  
Secretary,  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

**No. 52.**

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948  
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948  
(Act 92)

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS SATU  
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri atas syor Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam jadual sebagai Majistret Kelas Satu di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan mulai dari 1 September 2001.

APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATE  
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

In exercise of the powers conferred by section 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, appoints the officers named in the schedule to be First Class Magistrates in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 16 September 2001.

## JADUAL/SCHEDULE

Encik Azizan bin Md. Arshad  
Encik Mah Yut Choy

Bertarikh 19 Disember 2001.  
[PSUK.PK.(BPK)1A 355/951/2/1 Jld. 2;  
PU.PK. 67/71-2.]

HAJI SHARAJDIN BIN TAKIN  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

**No. 53.**

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA  
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam jadual untuk memegang jawatan Majistret Kelas Dua di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentang dengan nama mereka.

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATES  
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority appoints the officers named in the schedule to hold the office of Second Class Magistrates in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective names.

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Tuan Syed Mokhtar bin Syed Iddris	16.2.2001
Encik Ishak bin Md. Napis	16.5.2001

Bertarikh 19 Disember 2001.  
[PSUK.PK.(BPK)1A 355/951/2/2-1 Jld. 2;  
PU.PK. 47/99.]

HAJI SHARAJDIN BIN TAKIN  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

No. 54.

AKTA MAHKAMAH JUVANA 1947  
PANEL PENASIHAT  
(Akta 90)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 4(2) Akta Mahkamah Juvana 1947 [*Akta 90*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini melantik orang yang dinamakan dalam jadual sebagai anggota-anggota Panel Penasihat Mahkamah Juvana bagi daerah kecil Selama.

JUVENILE COURTS ACT 1947  
PANEL OF ADVISERS  
(Act 90)

In exercise of the powers conferred by subsection 4(2) of the Juvenile Courts Act 1947 [*Act 90*], the State Authority hereby appoints the persons named in the schedule to be members of the Panel of Advisers of the Juvenile Court for the subdistrict of Selama.

JADUAL/SCHEDULE

Tuan Haji Yaccob bin Awang Kecik  
(No. K.P.: 440715-04-5597)

Tuan Haji Mohd. Yusoff bin Abd. Rahim  
(No. K.P.: 481216-08-6315)

Tuan Haji Ahmad Isa bin Haji Anwar  
(No. K.P.: 410808-08-5177)

Puan Hajjah Sabariah bt. Haji Ali Hassan  
(No. K.P.: 500320-08-6394)

Encik Shanmugam a/l Jayaraman  
(No. K.P.: 401219-08-5561)

Encik Leong Chee Keong  
(No. K.P.: 1018026)

Bertarikh 19 Disember 2001.  
[PSUK.PK.(BPK)1A 355/951/5 Jld. 2;  
PU.PK. 67/71-53.]

HAI SHARIDIN BIN TAKIN  
Setiasaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 55.**

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH  
DI DAN BAGI DAERAH PERAK TENGAH KAMPONG GAJAH

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/65*], Pihak Berkuasa Negeri melantik Encik Sabuddin bin Uthmawi sebagai Penolong Pentadbir Tanah di dan bagi Daerah Perak Tengah, Kampong Gajah berkuat kuasa mulai dari tarikh 16 Ogos 2001 bagi maksud Kanun itu.

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR  
IN AND FOR THE DISTRICT OF PERAK TENGAH KAMPONG GAJAH

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [*Act 56/65*], the State Authority appoints Encik Sabuddin bin Uthmawi to be Assistant Land Administrator in and for the District of Perak Tengah, Kampong Gajah with effect from 16 August 2001 for the purpose of the said Code.

Bertarikh 19 Disember 2001.  
[PSUK.PK.(BPK)1A 355/651/2/8;  
PU.PK. 51/99.]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

**No. 56.**

(Perenggan 12(1)(b))

PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI UKUR  
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/65*], Pihak Berkuasa Negeri melantik orang yang dinamakan dalam jadual memegang jawatan Pegawai Ukur di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka.

(Paragraph 12(1)(b))

APPOINTMENT OF SURVEY OFFICERS  
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [*Act 56/65*], the State Authority appoints the persons named in schedule to hold the office of Survey Officers in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective names.

## JADUAL/SCHEDULE

Encik Tuan Stia bin Tuan Sulong	1.5.2001
Encik Jaafar bin Saed	1.5.2001
Encik Mohd. Arrifin bin Mohd. Arshad	1.5.2001

Bertarikh 19 Disember 2001.

[PSUK.PK.(BPK)1A 355/951/2/7 Jld. 2;

PU.PK. 51/99.]

HAJI SHAR Aidin Bin Takin  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

**No. 57.**

(Subseksyen 62(1))

(Subsection 62(1))

## PERIZABAN TANAH-TANAH BAGI MAKSUD KEGUNAAN AWAM

## RESERVATION OF LANDS FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini merizab tanah yang terletak di dalam Mukim Tupai, Daerah Larut dan Matang yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan hasil ukur Bil. PA.82249 yang tersimpan dalam Pejabat Pengarah Ukur Perak bagi Tapak Tambahan Wakaf Sekolah Agama Rakyat Al-Ihsaniah Pokok Assam yang akan dikawal dan diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

## JADUAL

Daerah—Larut dan Matang. Mukim—Tupai. No. Pelan—PA 82249 CALS.  
No. Lot—10183. Luas—3722 meter persegi.

Bertarikh 5 Disember 2001.

[PTG.Pk. 242/1-60(C); PTLM 370/01/95/12

PU.PK.585-97/7.]

HAJI SHAR Aidin Bin Takin  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

In exercise of the powers conferred by Subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority reserves that parcel of land situated in the Mukim of Tupai, District of Larut, Matang Dan Selama described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. 82249 deposited in the office of the Director of Survey, Perak as the additional site for the Wakaf Sekolah Agama Rakyat Al-Ihsaniah Pokok Assam to be maintained and controlled by the Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

## SCHEDULE

District—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Tupai. Plan No.—PA. 82249  
CAL.S. Lot No.—10183. Area—3722 square metres.

Dated this 5th December 2001.

[PTG.Pk. 242/1-60(C); PTLM 370/01/95/12  
PU.PK.585-97/7.]

HAJI SHAR Aidin Bin Takin  
Secretary,  
State Executive Council,  
Perak

**No. 58.**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [Acta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini merizab bahagian tanah yang terletak di Mukim Asam Kumbang, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas pelan hasil ukur Bil. PA. 83349 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Perak bagi tapak Rumah Berhala yang akan diselenggarakan oleh orang atau orang-orang yang dilantik oleh Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama dari masa ke semasa dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

## JADUAL

Daerah—Larut Matang Dan Selama. Mukim—Asam Kumbang. No. Pelan—  
PA 83349. No. Lot—22151. Luas—3642 meter persegi.

Bertarikh 5 Disember 2001.

[PTG.Pk. 242/1-99(C); PTLM 142-2528(PEN);  
PU.PK.67/71-54.]

HAJI SHAR Aidin Bin Takin  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

In exercise of the powers conferred by Subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority hereby reserves that parcel of land situated in the Mukim of Asam Kumbang in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. PA 83349 deposited in the office of the Director of Survey, Perak as a site for a Chinese Temple to be maintained by the person or persons appointed by the District Officer of Larut, Matang and Selama from time to time and controlled by the State Secretary of Perak.

## SCHEDULE

District—Larut, Matang Dan Selama. Mukim—Asam Kumbang. Plan No.—PA. 83349. Lot No.—22151. Area—3642 square metres.

Dated this 5th December 2001.  
[PTG.Pk. 242/1-99(C); PTLM 142-2528(PEN);  
PU.PK.67/71-54.]

HAI SHARIDIN BIN TAKIN  
Secretary,  
State Executive Council,  
Perak

**No. 59.**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini merizab bahagian tanah yang terletak Kariah Kampong Makmor, Mukim Kampong Gajah yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas pelan hasil ukur Bil. PA 08-068172 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur Perak sebagai tapak Masjid Kampong Makmor yang akan diselenggarakan dan dikawal oleh Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

## JADUAL

Daerah—Perak Tengah. Mukim—Kampong Gajah. No. Pelan—PA 08-068172. No. Lot—4056. Luas—8628 meter persegi.

Bertarikh 5 Disember 2001.  
[PTG.Pk. 243/5-5(C); PU.Pk. 67/71-54.]

HAI SHARIDIN BIN TAKIN  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

In exercise of the powers conferred by Subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority hereby reserves that parcel of land situated in the "Kariah Kampong Makmor Mukim of Kampong Gajah" described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. PA 08-068172 deposited in the office of the Director of Survey, Perak as the site for "Masjid Kampong Makmor" to be maintained and controlled by the "Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak".



## SCHEDULE

District—Perak Tengah. Mukim—Kampong Gajah. Plan No.—PA. 08-068172.  
Lot No.—4056. Area—8628 square metres.

Dated 5th December 2001.  
[PTG.Pk. 243/5-5(C); PU.Pk. 67/71-54.]

HAI SHARAIKIN BIN TAKIN  
Secretary,  
State Executive Council,  
Perak

**No. 60.**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini merizab bahagian tanah yang terletak di Taman Star, Mukim Hulu Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas pelan hasil ukur Bil. CP 50923 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur Perak sebagai tapak Dewan Serbaguna dan Rukun Tetangga yang akan diselenggarakan oleh Pegawai Daerah Kinta dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—CP 50923. No. Lot—50280.  
Luas—36275 kaki persegi.

Bertarikh 5 Disember 2001.  
[PTG.Pk. 239/7-215(C); PU.Pk. 67/71-54.]

HAI SHARAIKIN BIN TAKIN  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

In exercise of the powers conferred by Subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority hereby reserves that parcel of land situated in the Star Garden Mukim of Hulu Kinta described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. CP 50923 deposited in the office of the Director of Survey, Perak as the site for Dewan Serbaguna And Rukun Tetangga to be maintained by the Kinta District Officer and controlled by the State Secretary of Perak.

## SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—CP 50923. Lot No.—50280.  
Area—36275 square feet.

Dated 5th December 2001.  
[PTG.Pk. 239/7-215(C); PU.Pk. 67/71-54.]

HAI SHARAIKIN BIN TAKIN  
Secretary,  
State Executive Council,  
Perak

**No. 61.**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini merizab bahagian tanah yang terletak di Taman Cempaka, Mukim Hulu Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas pelan hasil ukur Bil. PA 54262 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur Perak sebagai tapak Sistem Dan Perkhidmatan Pembetungan yang akan diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan dikawal oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—PA 54262. No. Lot—89036. Luas—20536 meter persegi.

Bertarikh 5 Disember 2001.

[PTG.Pk. 513/5-27(C); PU.Pk. 67/71-54.]

HAJI SHAR Aidin Bin Takin  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak

In exercise of the powers conferred by Subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority hereby reserves that parcel of land situated in the Taman Cempaka, Mukim of Hulu Kinta described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. PA 54262 deposited in the office of the Director of Survey, Perak as the site for the System and Sewerage Service to be maintained by the Sewerage Services Department and controlled by the Federal Land Commissioner Department.

## SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—PA 54262. Lot No.—89036. Area—20536 square metres.

Dated 5th December 2001.

[PTG.Pk. 513/5-27(C); PU.Pk. 67/71-54.]

HAJI SHAR Aidin Bin Takin  
Secretary,  
State Executive Council,  
Perak

**No. 62.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BAHARU  
SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak

mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan oleh M/S Xavier Ravi, Yunus & Yeoh bagi pihak pemilik berdaftar bagi hakmilik seperti Jadual di bawah kerana hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Kamunting. No. Lot—2193. Jenis dan No. Hakmilik—PN 30515. Luas—111 m.p. Tuan Punya Berdaftar—RajaLingam a/l Kathiah.

Bertarikh 13 Disember 2001.  
[PTG. PK. 3/11-336(A).]

HAJI MOHD ADNAN BIN HAJI PUTEH  
Timbalan Pendaftar Hakmilik,  
Perak

**No. 63.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik pendua/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik.

## JADUAL

Mukim—Kampar. No. Lot—23764. Jenis dan No. Hakmilik—GM 121. Luas—1.1786 hektar. Nama Tuan Punya Tanah—Abdul Rahim bin Abdul Rani, D/a Aminah Chan bt. Abdullah, No. 663, Jalan Tasek, Taman Musim Bunga, 31400 Ipoh.

Bertarikh 24 Disember 2001.  
[KD. 13/4-365.]

HAJI MD. SHAFIE BIN HAJI MUDA  
b.p. Pentadbir Tanah Kinta,  
Batu Gajah

**No. 64.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik asal telah diakui hilang oleh Mat Isa bin Dollah (K.P. 610409-02-5595) yang beralamat di Kpg. Jermai Mukim Sg. Batu, 04800 Serdang Kedah.

## JADUAL

Mukim—Selama. No. Lot—2082. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 1968. Luas—3e. 2r. 17p. Nama Tuan Tanah Yang Berdaftar—Hj. Soharan b. Hj. Salleh 1/7 bhg., Dolah bin Dumai 3/7 bhg., Mihah bt. Dumai 1/7 bhg., Mat Hasin b. Dumai 1/7 bhg. dan Mek Chik bt. Dumai 1/7 bhg.

Bertarikh 3 Januari 2002.  
[P.T. Sel. (C-1) 40/2001.]

Haji Ghazali Bin Karim  
Penolong Pentadbir Tanah Selama,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Larut, Matang dan Selama

**No. 65.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik asal telah diakui hilang oleh Rogayah bt. Hussin (K.P. 731017-08-6226) yang beralamat di JKR 464 SMK Redang Panjang, Ijok 34510 Batu Kurau.

## JADUAL

Mukim—Ulu Ijok. No. Lot/Petak—6360. Jenis dan No. Hakmilik—PM 1065. Luas—557 mp. Nama Tuan Tanah Berdaftar—Abu Bakar bin Hussin—semua bhg.

Bertarikh 3 Januari 2002.  
[P.T. Sel. 39/2001.]

Haji Ghazali Bin Karim  
Penolong Pentadbir Tanah Selama,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Larut, Matang dan Selama

**No. 66.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik asal telah diakui hilang oleh Sam Kaur a/p Karta Singh yang beralamat di No. 1E-6-10, Taman Bukit Jambul, Indah, Lebuah Bukit Jambul, 11950 Pulau Pinang.

## JADUAL

Mukim—Selama. No. Lot—1348. Jenis dan No. Hakmilik—GM 2286. Luas—2r. 05p. Nama Tuan Telah Berdaftar—Sam Kaur a/p Karta Singh—semua bhg.

Bertarikh 3 Januari 2002.  
[P.T. Sel. (C-1) 38/2001.]

HAJI GHAZALI BIN KARIM  
Penolong Pentadbir Tanah Selama,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Larut, Matang dan Selama

**No. 67.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik Asal Diakui Hilang oleh Mohd. Zainuddin bin Kulop yang beralamat di 40D, Jalan Tok Ketua, Tengku Husin Lama, 30020 Ipoh.

## JADUAL

Mukim—Ulu Kinta. Bil. Lot—26657. Jenis dan No. Hakmilik—GM 315. Luas—2e. 1r. 24p. Tuan Punya—Abdul Ranie @ Ngah Abdul Ghani bin Kulop Onek @ Kulop Onik 5/40 bhg., Abu Hassan bin Abd. Manas 33/384 bhg., Amier Moehd Isa bin Zainudin 2/36 bhg., Baharuddin bin Ibrahim 3/144 bhg., Mohd. Zainuddin bin Kulop 55/384 bhg., Ngah @ Yahya bin Ibrahim 1/144 bhg., Noraini binti Nawawi 3/40 bhg., Yang Rozali bin Abdul Rani 12/40 bhg. dan Mohd. Zainuddin bin Kulop 9/48 bhg.

Bertarikh 3 Januari 2002.  
[P.T.K(I) 7/1/2002-1.]

HARUN BIN RAMLI  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Kinta, Ipoh

**No. 68.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik Asal Diakui Hilang oleh Mazitah binti Mat Derus yang beralamat di No. 117, Jalan Raja Musa Mahadi, Desa Perwira, 31350 Ipoh.

## JADUAL

Mukim—Ulu Kinta. Bil. Lot—Pt 128919. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M)UK 6831. Luas—334 meter persegi. Tuan Punya—Mazitah binti Mat Derus.

Bertarikh 3 Januari 2002.  
[P.T.K(I) 7/1/2002-2.]

HARUN BIN RAMLI  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Kinta, Ipoh

**No. 69.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik Asal Diakui Hilang oleh Marimuthu a/l Arumugam yang beralamat di Rumah Kediaman Sri Nadarajer Temple, Bt. 2 1/2 Jalan Jelapang, 30020 Ipoh.

## JADUAL

Mukim—Ulu Kinta. Bil. Lot—52614. Jenis dan No. Hakmilik—PM 1269. Luas—3968 kaki persegi. Tuan Punya—Supramaniam a/l Arumugam.

Bertarikh 9 Januari 2002.  
[P.T.K(I) 7/1/2002-3.]

HARUN BIN RAMLI  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Kinta, Ipoh

**No. 70.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan Surat Hakmilik Sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Tuan punya tanah berdaftar iaitu Mat Hassan bin Abdul Wahab (No. KP. 0995934) yang beralamat di Kampong Jenalik Hulu, Sauk, 33500 Kuala Kangsar mengaku bahawa hakmiliknya telah hilang.

## JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Durian Pipit. No. Lot—3654. Jenis dan No. Hakmilik—GM 739. Luas—0.5361 hac. Pemohon—Mat Hassan bin Abdul Wahab (No. KP: 0995934). Tuan Tanah—Mat Hassan bin Abdul Wahab (No. KP: 0995934)—Semua bhg.

Bertarikh 3 Januari 2002.  
[PT.LG(H/S) 23/2001.]

AHMAD BAKHTIAR BIN MAHAYUDDIN  
Penolong Pentadbir Tanah III,  
Hulu Perak (Lenggong)

**No. 71.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan Surat Hakmilik Sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Tuan punya tanah berdaftar iaitu Sam Ah Fong (No. KP: 6028321) yang beralamat di A75, Jalan Semat, 33800 Manong, Kuala Kangsar, Perak mengaku bahawa hakmiliknya telah hilang.

## JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Lenggong. No. Lot—9290. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 26/80. Luas—1.9627 hac. Pemohon—Sam Ah Fong (No. KP: 6028321). Tuan Tanah—Sam Ah Fong (No. KP: 6028321)—semua bhg.

Bertarikh 4 Januari 2002.  
[PT.LG(H/S) 24/2001.]

AHMAD BAKHTIAR BIN MAHAYUDDIN  
Penolong Pentadbir Tanah III,  
Hulu Perak (Lenggong)

**No. 72.**

(Seksyen 263)

## PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PENERIMA GADAIAN

Saya, Hj. Md. Shafie bin Haji Muda, Penolong Pentadbir Tanah Kinta, setelah membuat pertanyaan atas permohonan penerima gadaian di bawah gadaian yang diterangkan dalam jadual di bawah, bagi tanah yang diterangkan itu, dan berpuas hati bahawa tiada sebab-sebab yang bertentangan;

Dengan ini, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 dari Kanun Tanah Negara, memerintahkan jualan tanah tersebut:

- (a) bahawa jualan tersebut hendaklah dibuat dengan perlelongan awam, diadakan pada Hari Isnin 4 haribulan Februari 2002 di Balai Penghulu Mukim Sg. Terap pada 9.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga yang ditempah bagi tujuan itu hendaklah RM50,000.00.

2. Saya dapati bahawa jumlah wang yang harus dibayar kepada penerima gadaian pada tarikh ini adalah sebanyak RM25,102.77 sehingga kini (tidak masuk bayaran Guaman & lain-lain bayaran).

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sg. Terap. No. P.T.—6069. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 851/89. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. berdaftar gadaian (jika ada)—Pers. 402/94 Jilid: 50 Folio: 2.

Bertarikh 26 Disember 2001.  
[KD. 17/5-279.]

HAJI MD. SHAFIE BIN HAJI MUDA  
b.p. Pentadbir Tanah Kinta,  
Batu Gajah

**No. 73.**

Saya, Azmi bin Ayob, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang tersebut itu:

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam pada hari Sabtu 9 Februari 2002 jam 10.00 pagi bertempat di Perkarangan, Pejabat Tanah, Kuala Kangsar; dan
  - (b) bahawa rizab bagi maksud jualan itu ialah RM18,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM8,586.92.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Senggang. No. Lot/Petak/P.T.—Lot 7831. Jenis dan No. Hakmilik—GM 113. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. berdaftar gadaian (jika ada)—Pers. 301/75 Jld: 8 Fol: 7. Gadaian Kpd. MARA.

Bertarikh 31 Disember 2001.  
[PTKK(FC) 1/2001.]

AZMI BIN AYOB  
Pentadbir Tanah,  
Kuala Kangsar

#### No. 74.

Saya, Azmi bin Ayob, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang tersebut itu:

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam pada hari Sabtu 9 Februari 2002 jam 10.00 pagi bertempat di Perkarangan, Pejabat Tanah, Kuala Kangsar; dan
  - (b) bahawa rizab bagi maksud jualan itu ialah RM30,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM25,037.51.



JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Saiong. No. Lot/Petak/P.T.—PT 289. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 233. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. berdaftar gadaian (jika ada)—Pers. 1483/97 Jld: 59 Fol: 98. Gadaian Kpd. MBB.

Bertarikh 14 Januari 2001.  
[PTKK(FC) 8/2001.]

AZMI BIN AYOB  
Pentadbir Tanah,  
Kuala Kangsar

Hakeipta Pencetak<sup>®</sup>

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

**PNMB**